

Rujukan Kami: (36) DBKL/JPPH/COB/258

Tarikh: 05 Oktober 2016

Perbadanan Pengurusan Anjung Hijau

A-0-6, No 8, Jalan Jalil Perkasa 1 (1/155B),
Bukit Jalil,
57000 Kuala Lumpur

(u/p: Puan Chin Yuet Sin)

Puan,

PER: REQUEST FOR POSTPONEMENT OF AGM OF PERBADANAN PENGURUSAN ANJUNG HIJAU

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan surat pihak Puan bertarikh 29 Jun 2016 juga adalah berkaitan.

2. Terlebih dahulu, pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COB) ingin memohon maaf di atas kelewatan untuk mengemukakan maklumbalas ini kepada pihak puan. Untuk makluman, pihak COB telah meneliti persoalan yang dikemukakan oleh pihak puan berkenaan dengan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan bagi kawasan Perbadanan Pengurusan Anjung Hijau. Untuk makluman puan, berdasarkan kepada peruntukan Jadual Kedua, Perenggan 10(2), Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) menjelaskan bahawa, ‘... mesyuarat agung tahunan yang berikutnya hendaklah diadakan sekali dalam setiap tahun, dengan syarat bahawa tidak lebih daripada lima belas bulan boleh terlupus antara tarikh satu mesyuarat agung tahunan tersebut dengan mesyuarat agung tahunan yang berikutnya ...’.

Kegagalan mesyuarat agung tahunan tersebut diadakan dalam tempoh masa yang dibenarkan boleh menyebabkan tindakan pendakwaan diambil ke atas MC dan anggota jawatankuasa iaitu boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya sekali sepertimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015.

3. Seterusnya, pihak COB tidak diperuntukkan sebarang kuasa di dalam Akta 757
2017 11 MLJ 554 at 560

yang boleh memberikan kebenaran kepada mana-mana pihak bagi maksud menangguhkan mesyuarat agung tahunan (AGM) tersebut. Justeru, peruntukan akta di atas adalah terpakai sehingga terdapatnya suatu perintah mahkamah yang membenarkan sebaliknya.

4. Dikemukakan perkara tersebut di atas untuk makluman pihak puan.

Sekian. Terima kasih.